



29 Julai 2016
29 July 2016
P.U. (A) 212

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN MAJLIS KESELAMATAN NEGARA (TINDAKAN DAN AKTIVITI YANG DILARANG DALAM KAWASAN KESELAMATAN) 2016

NATIONAL SECURITY COUNCIL (PROHIBITED ACTIONS AND ACTIVITIES WITHIN SECURITY AREA) REGULATIONS 2016



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/ *ATTORNEY*
GENERAL'S CHAMBERS

AKTA MAJLIS KESELAMATAN NEGARA 2016

PERATURAN-PERATURAN MAJLIS KESELAMATAN NEGARA (TINDAKAN DAN AKTIVITI
YANG DILARANG DALAM KAWASAN KESELAMATAN) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 42(2)(b) Akta Majlis Keselamatan Negara 2016 [*Akta 776*], Perdana Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Majlis Keselamatan Negara (Tindakan dan Aktiviti yang Dilarang dalam Kawasan Keselamatan) 2016**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 2016.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, “bekalan” termasuklah wang, makanan, minuman, pakaian, ubat, dadah dan apa-apa storan lain, peralatan, komoditi, barang atau apa jua benda lain.

Tindakan dan aktiviti yang dilarang dalam kawasan keselamatan

3. (1) Seseorang tidak boleh—

(a) menuntut, memungut atau menerima, atau cuba untuk menuntut, memungut atau menerima apa-apa bekalan daripada mana-mana orang lain dalam hal keadaan yang menimbulkan anggapan yang munasabah bahawa dia bercadang untuk, atau hampir, bertindak, atau telah bertindak, dengan cara yang memudaratkan keselamatan awam atau pengekalan ketenteraman awam, atau bahawa bekalan yang dituntut, dipungut atau diterima sedemikian dicadangkan bagi kegunaan mana-mana orang yang bercadang untuk, atau hampir, bertindak sedemikian, atau telah bertindak sedemikian, dengan cara

yang memudaratkan keselamatan awam atau pengekalan ketenteraman awam dalam kawasan keselamatan;

- (b) memiliki apa-apa bekalan yang dia tidak boleh menjelaskan dengan memuaskan dalam hal keadaan yang menimbulkan anggapan yang munasabah bahawa bekalan itu dicadangkan bagi kegunaan mana-mana orang yang bercadang untuk, atau hampir, bertindak, atau telah bertindak, dengan cara yang memudaratkan keselamatan awam atau pengekalan ketenteraman awam;
- (c) memperuntukkan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, apa-apa bekalan kepada mana-mana orang lain dalam hal keadaan yang menimbulkan anggapan yang munasabah bahawa orang lain itu bercadang untuk, atau hampir, bertindak, atau telah bertindak, dengan cara yang memudaratkan keselamatan awam atau pengekalan ketenteraman awam, atau bahawa bekalan yang diperuntukkan sedemikian dicadangkan bagi kegunaan mana-mana orang yang bercadang untuk, atau hampir, bertindak sedemikian, atau telah bertindak sedemikian, dengan cara yang memudaratkan keselamatan awam atau pengekalan ketenteraman awam dalam kawasan keselamatan; atau
- (d) menyembunyikan apa-apa maklumat yang berkaitan dengan keselamatan awam atau pengekalan ketenteraman awam apabila diminta oleh mana-mana anggota pasukan keselamatan.

(2) Mana-mana orang yang melanggar peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.